

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L
M PARAMESWARAN (BATU)**

TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN (BATU) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan walaupun dengan penjenamaan semula Rumah Kos Rendah kepada Rumah Mampu Milik, tetapi dengan harga jualan RM200,000 hingga RM300,000 ianya masih tidak mampu dimiliki oleh B40. Bukankah ini suatu pembohongan. Isunya tidak boleh diselesaikan dengan memudahcarakan pinjaman dan meletakkan beban hutang RM300,000 atas bahu golongan B40. Apakah penyelesaian KPKT mengenai masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program perumahan mampu milik yang diuruskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terbahagi kepada dua iaitu program untuk golongan B40 dan golongan M40. Bagi golongan B40, KPKT menyediakan Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang dijual di antara RM35,000 hingga RM100,000. Bagi golongan M40 pula, KPKT menyediakan Rumah Mampu Milik (RMM) dengan harga jualan RM300,000 dan ke bawah seperti Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM), program perumahan di bawah Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) dan Kediaman SPNB.

Bagi membantu pemilikan RMM dalam kalangan golongan B40 ini, Kerajaan komited untuk menyediakan perumahan khususnya bagi mereka yang berpendapatan RM3,000 dan ke bawah menerusi pembinaan PPR secara berterusan. Program ini merupakan subsidi terbesar bagi pemilikan rumah awam kepada golongan B40. Terdapat dua (2) jenis PPR yang disediakan oleh Kerajaan iaitu PPR Dimiliki dan PPR Disewa. PPR Dimiliki merujuk kepada unit PPR yang dijual kepada pemohon yang berkelayakan, manakala PPR Disewa ditawarkan kepada rakyat yang masih belum berkemampuan untuk memiliki kediaman sendiri.

Sejak diperkenalkan pada tahun 1982 sehingga kini, terdapat 154 projek PPR Dimiliki dan PPR Disewa yang telah siap dibina dan melibatkan 97,196 unit rumah kepada golongan sasaran. Sekiranya pengisian mencapai 100%, program ini memberi manfaat kepada sejumlah 379,064 penduduk dengan mengambil kira purata saiz isi rumah adalah pada 3.9 berdasarkan Laporan Survey Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). PPR Dimiliki dijual dengan harga RM35,000.00 di Semenanjung Malaysia manakala RM42,000.00 bagi Sabah dan Sarawak. PPR Disewa pula menawarkan kadar sewa sebanyak RM124.00 sebulan, yang mana kadar sewa ini jauh lebih rendah dari harga pasaran sewaan. Pada masa yang

SOALAN NO : 17

sama, Kerajaan juga telah memperkenalkan PPR Sewa untuk Milik (*Rent to Own*) bagi golongan yang masih belum layak memperoleh kemudahan pembiayaan dari institusi kewangan komersial.

Selain PPR, KPKT menerusi Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) turut melaksanakan pembinaan RMR bagi membantu golongan berpendapatan isi rumah di bawah RM3,000 yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang tetapi mempunyai tanah untuk membina rumah yang sempurna dan selesa. Setakat ini, sebanyak 47,714 unit RMR telah siap dibina.

Selaras dengan komitmen Kerajaan dalam meningkatkan aksesibiliti perumahan oleh rakyat, Kementerian bercadang untuk mewujudkan Panel Pemikir (Panel of Experts, POE) bagi membantu dan memberi nasihat kepada Kementerian dalam pelbagai isu perumahan khususnya melibatkan kluster sosial, ekonomi dan geopolitik. Selain itu, POE juga dapat membantu merangka strategi pendekatan aksesibiliti perumahan ideal yang konklusif, praktikal dan mampan. POE ini akan melihat model pembiayaan yang sesuai kepada semua golongan khususnya golongan B40 dan M40.

Kementerian ini mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat berhubung isu aksesibiliti perumahan khususnya bagi golongan B40 di negara ini. Diharap program-program perumahan yang dilaksanakan oleh Kementerian akan terus memberi manfaat kepada kumpulan sasaran.

Sekian, terima kasih.